



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : J.Pel.Pk.(AM) 1452/2/Jld.26/(09)
Tarikh : 11 Januari 2019

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan.

**PEMATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1998 DAN BIL.3/2001
BERKAITAN KOHORT UMUR BELAJAR DI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH
MENENGAH KERAJAAN / BANTUAN KERAJAAN DAN SEKOLAH SWASTA BAGI MURID
YANG LAHIR PADA 1 JANUARI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Sekolah Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah menerima beberapa isu berkaitan murid yang lahir 1 Januari tetapi tidak berada di kelas yang sepatutnya mengikut kohort umur sebenar persekolahan mereka bermula di sekolah rendah.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak memohon kerjasama pihak tuan agar dapat memaklumkan kepada **semua Guru Besar dan Pengetua** di bawah pentadbiran tuan untuk mengambil tindakan berikut:

3.1 Merujuk dan meneliti Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/1998 bertarikh 7 Mei 1998 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2001 bertarikh 22 Mac 2001.

3.2 Mematuhi kohort umur yang ditetapkan seperti di Lampiran A dalam menguruskan dan menyelaraskan penempatan murid-murid di sekolah.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan kepada perkara berkaitan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.


(AZMI BIN DAHALI)

Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
 2. Semua Ketua Sektor, Jabatan Pendidikan Negeri Perak



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



KOHORT UMUR PERSEKOLAHAN MURID TAHUN 2019

TARIKH LAHIR	TAHUN PERSEKOLAHAN
02.01.2012 – 01.01.2013	TAHUN 1 (2019)
02.01.2011 – 01.01.2012	TAHUN 2 (2019)
02.01.2010 – 01.01.2011	TAHUN 3 (2019)
02.01.2009 – 01.01.2010	TAHUN 4 (2019)
02.01.2008 – 01.01.2009	TAHUN 5 (2019)
02.01.2007 – 01.01.2008	TAHUN 6 (2019)
02.01.2006 – 01.01.2007	TINGKATAN 1 (2019)